  - B Jaringan pengangkutan yang baik
  - C Pembinaan sistem pengairan yang cekap
  - D Kawasan tanah beralun yang bersaliran baik
- 3 Berikut adalah lokasi industri di Malaysia.

- Kulim, Kedah
- Tanjong Malim, Perak
- Pekan, Pahang

Apakah jenis industri utama yang terdapat di kawasan tersebut?

- A Besi dan keluli
- B Pemasangan kenderaan
- C Elektrik dan elektronik
- D Membina dan membaiki kapal

Peta 1 di bawah menunjukkan lokasi sumber semula jadi di Malaysia.



Peta 1: SEMENANJUNG MALAYSIA

- 4 Mengapakah kawasan berlorek tidak dimajukan sebagai lokasi agropelancongan ?
- A Kawasan pembalakan
  - B Kawasan petempatan penduduk
  - C Kawasan perlombongan sumber mineral
  - D Kawasan taman negara
- 5 Maklumat berikut berkaitan kegiatan ekonomi penduduk di Malaysia.

- Menenun songket di Terengganu
- Membuat labu sayong di Perak
- Mengecap batik di Kelantan

Mengapakah kegiatan ekonomi tersebut penting kepada pembangunan negara Malaysia?

- A Peningkatan infrastruktur
- B Kewujudan bandar baharu
- C Pemindahan teknologi moden
- D Kepesatan industri pelancongan

- 6 Apakah faktor yang menggalakkan perkembangan kegiatan ekonomi seperti dalam Foto 2 di bawah?



Foto 2


- 7 Foto 3 di atas menunjukkan penerokaan sumber di Malaysia.
- A Kemudahan pelabuhan
  - B Pembinaan tukun tiruan
  - C Kemudahan pinjaman modal
  - D Penggunaan tenaga solar



Foto 3

Apakah kepentingan aktiviti tersebut kepada pembangunan ekonomi di Malaysia ?

- A Memajukan industri petrokimia
- B Menstabilkan harga bahan api
- C Memajukan industri automotif
- D Mewujudkan kawasan pembiakan ikan



Rajah 1

- 8 Kawasan berlorek dalam Rajah 1 di atas merujuk kepada kerjasama dalam sektor
- A Pertanian

- B Perdagangan
  - C Pelancongan
  - D Pertahanan
- 9 Industri automotif berkembang pesat di negara Jepun. Apakah faktor yang mempengaruhi kemajuan industri tersebut?
- I Dasar kerajaan
  - II Mata wang
  - III Upah buruh
  - IV Teknologi tinggi
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 10 Apakah peranan agensi dalam Rajah 2 di bawah dalam memperkembangkan kegiatan ekonomi negara kita?



Rajah 2

- A Memberikan kepakaran
  - B Mempromosikan produk
  - C Mengeluarkan modal domestik
  - D Membekalkan tenaga buruh
- 11 Apakah faedah yang diperoleh Malaysia menyertai kerjasama ekonomi antarabangsa?
- I Membentuk hubungan perdagangan dengan negara luar
  - II Meneroka pasaran baharu bagi produk negara
  - III Meluaskan ideologi pemerintahan demokrasi
  - IV Menerima bantuan ketenteraan negara asing
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 12 Apakah sumbangan kegiatan yang berkaitan dengan Foto 4 di bawah terhadap pembangunan negara?



Foto 4

- I Meningkatkan pendapatan negara
  - II Memajukan sektor pengangkutan awan
  - III Mengatasi kesesakan lalu lintas
  - IV Memajukan sektor pelancongan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 13 Antara yang berikut, yang manakah hasil industri bukan berdasarkan sumber?
- I Kenderaan bermotor
  - II Semikonduktor
  - III Sarung tangan
  - IV Minyak masak
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 14 Penanaman kelapa sawit berkembang pesat di Indonesia. Apakah faktor yang mempengaruhi aktiviti penanaman kelapa sawit di negara tersebut?
- I Tanah berpasir
  - II Suhu kurang 27°C
  - III Kawasan tanah beralun
  - IV Hujan tahunan 2600 mm
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV



Rajah 3

Apakah kepentingan kerjasama ekonomi negara-negara yang menganggotai pertubuhan dalam Rajah 3 di atas?

- I Mengurangkan tarif
  - II Meningkatkan perdagangan
  - III Penggunaan mata wang tunggal
  - IV Kerjasama dalam sektor pembuatan automotif
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

## BAHAGIAN B: STRUKTUR

**Soalan 1** berdasarkan Foto 1.



Foto 1

1. (a) Namakan lokasi kegiatan ekonomi dalam Foto 1 dijalankan.

..... [1 markah]

- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan sektor pembuatan di Malaysia.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (c) Jelaskan sumbangan kemajuan industri automotif kepada pembangunan negara Malaysia.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (d) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia menjadi tumpuan industri pemasangan kenderaan sejak kebelakangan ini?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Soalan 2 berdasarkan Foto 2.**



Foto 2

2. (a) Namakan sektor ekonomi yang berkaitan dengan Foto 2 di atas.

.....

[1 markah]

- (b) Terangkan faktor yang menggalakkan kegiatan pertanian di Malaysia.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan kegiatan pertanian terhadap pembangunan negara Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Kemukakan kaedah pertanian yang dapat meningkatkan kesuburan tanah.

.....

.....

.....


[3 markah]

### BAHAGIAN C: ESEI

1(a) Di atas Peta Malaysia, namakan:

- (i) Pulau pelancongan bertanda **P**
- (ii) Lokasi agropelancongan bertanda **Q**
- (iii) Pusat ekopelancongan bertanda **R**
- (iv) Taman Negara bertanda **S**

[4 markah]



Peta: MALAYSIA

<b>P</b>	
<b>Q</b>	

<b>R</b>	
<b>S</b>	

(b) Nyatakan **empat** jenis pelancongan yang diperkenalkan di Malaysia. [4 markah]

(c) Huraikan faktor fizikal yang menggalakkan perkembangan pelancongan di negara Malaysia. [6 markah]

(d) Pada pandangan anda, apakah kepentingan sektor pelancongan kepada pembangunan negara kita Malaysia? [6 markah]

2(a) Mengapakah kegiatan akuakultur semakin penting di negara kita?

[8 markah]

(b) Terangkan halangan-halangan yang dihadapi oleh pengusaha perikanan akuakultur.

[6 markah]

(c) Huraikan kesan aktiviti perikanan akuakultur terhadap alam sekitar.

[6 markah]

**SOALAN TAMAT**

## BAB 10 : KESAN KEGIATAN EKONOMI TERHADAP ALAM SEKITAR

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.  
Jawab **semua** soalan.

### BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Apakah kesan penggunaan racun serangga dalam aktiviti pertanian terhadap alam sekitar?
  - A Menggalakkan gelongsoran tanah
  - B Menyebabkan pemiskinan tanah
  - C Meningkatkan keasidan tanah
  - D Meningkatkan hakisan tanah

Foto 1 di bawah menunjukkan kegiatan ekonomi di Malaysia.



Foto 1

2. Apakah kesan kegiatan ekonomi di atas kepada alam sekitar?
  - A Kerosakan terumbu karang
  - B Peningkatan suhu setempat
  - C Pencemaran udara di kawasan pantai
  - D Kemusnahan fauna
3. Pembuangan tinja haiwan yang tidak sistematik dalam aktiviti penternakan memberi kesan negatif terhadap alam sekitar. Apakah kesan negatif akibat aktiviti penternakan tersebut?
  - A Pencemaran air
  - B Kepupusan flora
  - C Tanin tandus
  - D Hakisan tanah

Foto 2 menunjukkan kawasan hutan yang diteroka untuk tujuan perlancongan



Foto 2

4. Apakah kesan daripada penerokaan hutan tersebut?
- A Peningkatan suhu bumi
  - B Pencemaran alam sekitar
  - C Kepupusan flora dan fauna
  - D Perubahan landskap

Berikut adalah kegiatan ekonomi di Malaysia.

- Pembalakan
- Pertanian pindah


5. Kegiatan ekonomi tersebut boleh menyebabkan berlakunya
- I Pencemaran sungai
  - II Kepupusan hidupan marin
  - III Kejadian hujan asid
  - IV Tanah menjadi tandus
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Berikut adalah keadaan cuaca di Tanah Tinggi Cameron, Pahang.

- Suhu semakin meningkat
- Kelembapan udara menurun

6. Mengapakah situasi di atas boleh berlaku?
- A Industri memproses hasil pertanian
  - B Penggondolan kawasan hutan
  - C Aktiviti agropelancongan
  - D Pembinaan empangan hidroelektrik

Peta 1 menunjukkan lokasi kegiatan ekonomi di Malaysia.



Peta 1: MALAYSIA

7. Lokasi yang sering kali mengalami hujan asid di Malaysia adalah
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
8. Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan keadaan alam sekitar seperti dalam Foto 3?



Foto 3

- A Mewartakan taman laut
- B Menambak laut
- C Menggalakkan aktiviti akuakultur
- D Pembinaan benteng pemecah ombak
  
9. Bagaimanakah langkah untuk mengurangkan penggunaan sumber hutan dalam kehidupan?
  - A Meningkatkan eksport hasil hutan
  - B Mempelbagaikan kegunaan sumber hutan
  - C Mengamalkan kitar semula
  - D Menguatkuasakan undang-undang

10. Bagaimakah cara untuk mengurangkan hakisan di kawasan pembinaan lebuh raya di lereng bukit?
- A Membina cerun di kawasan curam
  - B Menanam rumput di kawasan cerun
  - C Melebarkan lebuh raya
  - D Menambak tebing lebuh raya
11. Bagaimakah penggunaan teknologi hijau dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar?
- A Penggunaan jentera berat
  - B Penggunaan jentera diesel
  - C Penggunaan jentera biodiesel
  - D Penggunaan jentera petrol berplumbum
12. Apakah kajian yang dilakukan oleh pihak MARDI bagi memastikan aktiviti pertanian yang lestari?
- I Meningkatkan subsidi
  - II Menggalakkan penggunaan jentera
  - III Menghasilkan baja organik
  - IV Menggunakan kaedah biologi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
13. Apakah tujuan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang dilakukan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar sebelum sesuatu projek pembangunan dijalankan?
- A Menentukan lokasi yang bersesuaian
  - B Mengelakkan pencerobohan kawasan hutan
  - C Memberi kesedaran alam sekitar kepada pihak pemaju
  - D Membuat penilaian kesan pembangunan ke atas alam sekitar

Maklumat berikut menunjukkan kesan kegiatan pertanian di Malaysia.

- Pencemaran air
- Keasidan tanah meningkat

14. Bagaimakah langkah untuk mengatasi kesan kegiatan pertanian tersebut?
- A Peneresan cerun bukit
  - B Penggunaan baja organik
  - C Penanaman tutup bumi
  - D Penggunaan jentera pembajak

15. Antara berikut, organisasi bukan kerajaan (NGO) yang manakah berperanan dalam pengurusan hutan di Malaysia?
- I Sarawak Forestry Corporation
  - II Jabatan Alam Sekitar (JAS)
  - III Malaysian Nature Society (MNS)
  - IV Sahabat Alam Malaysia (SAM)
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

## **BAHAGIAN B: STRUKTUR**

Soalan 1, berdasarkan Foto 1 di bawah. Foto menunjukkan sejenis pertanian ladang di tanah tinggi di Malaysia.



Foto 1

- 1 (a) Apakah jenis pertanian yang boleh dikaitkan dengan Foto 1.

.....

[1 markah]

- (b) Jelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan sektor pertanian dalam foto 1.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan kesan penerokaan hutan terhadap alam sekitar di kawasan tanah tinggi.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Cadangkan langkah-langkah yang berkesan bagi mengurangkan impak aktiviti pertanian kepada alam sekitar.

.....

.....

.....

[2 markah]

Soalan 2, berdasarkan Foto 2 di bawah.



Foto 2

- 2 (a) Apakah jenis kegiatan ekonomi berdasarkan Foto 2 di atas.

.....

[1 markah]

- (b) Pada pendapat anda, mengapakah kegiatan ekonomi dalam Foto 2 wajar dikawal?

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Jelaskan usaha untuk memajukan kawasan bekas lombong bijih timah di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Terangkan kesan perkembangan kegiatan ekonomi perlombongan kepada alam sekitar.

.....

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

### **BAHAGIAN C: ESEI**

1 (a) Di atas Peta Malaysia, namakan lokasi perindustrian bertanda:

- (i) P
- (ii) Q
- (iii) R
- (iv) S

[4 markah]



Peta 1 : PETA MALAYSIA

P	
Q	

R	
S	

Foto 2 menunjukkan kegiatan ekonomi yang terdapat di Malaysia.



Foto 2

- (b) Jelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan sektor perindustrian di Malaysia. [4 markah]
- (c) Bagaimanakah aktiviti perindustrian memberi kesan terhadap alam sekitar di Malaysia? [8 markah]
- (d) Cadangkan usaha yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesan kegiatan perindustrian terhadap alam sekitar. [4 markah]

- 2 Jadual 1 menunjukkan peratus kedatangan pelancong dari negara Asia ke Malaysia pada tahun 2018 dan 2019.

Negara	Kedatangan pelancong (%)	
	2018	2019
Pakistan	39	42
India	9	23

Jadual 1 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

- (a) Berdasarkan Jadual 1, terangkan faktor yang mempengaruhi peratus kedatangan pelancong dari negara Asia ke Malaysia semakin meningkat? [6 markah]
- (b) Mengapakah sektor perlancungan penting terhadap rakyat dan negara Malaysia? [8 markah]
- (c) Cadangkan langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kesan aktiviti perlancungan di Malaysia. [6 markah]

### **SOALAN TAMAT**

**CADANGAN JAWAPAN**  
**KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 1**

1 (a)	Bkt Bintang	[1 markah]
(b)	304° / 305° / 306°  303° / 305° / 307°	[2 markah]  [1 markah]
(c)(i)	<b>Ciri Fizikal</b>  F1 Bukit F2 Sungai F3 Hutan  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[2 markah]
(c)(ii)	<b>Dua kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan dan alasan.</b>  F1 Pelancongan H1 terdapat hutan  F2 Perikanan H2 terdapat sungai  F3 Perkilangan F4 terdapat getah/padi  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[4 markah]
(f)	<b>Kepentingan tumbuhan semula jadi di tenggara peta.</b>  F1 Menyederhanakan suhu H1 bebas oksigen, serap karbon dioksida  F2 Sumber makanan H2 haiwan dan manusia  F3 Mengelakan hakisan tanah/ tanah runtuh H3 Akar pokok membantu mencengkam tanah  F4 Habitat flora/ fauna H4 Kawasan hutan merupakan kawasan tempat tinggal bagi pelbagai spesis flora dan fauna  F5 Keseimbangan ekosistem H5 Membantu memastikan rantai dan siratan makanan berjalan dengan baik.  F6 Kawasan tadahan air H6 hujan yang turun akan melalui daun- daun pokok dan mengalir melalui batang dan diserap ke dalam tanah melalui akarnya.  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[4 markah]

(e)	<p><b>Usaha-usaha bagi mengekalkan tumbuhan semulajadi di tenggara peta</b></p> <p>F1 Kuatkuasakan undang-undang F2 Kempen kesedaran alam sekitar F3 Pendidikan alam sekitar F4 R&amp;D F5 Wartakan hutan simpan/taman negara</p>	[2 markah]
-----	---	------------

*Terima mana-mana jawapan yang munasabah*

**CADANGAN JAWAPAN**  
**KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 2**

1 (a)	5.8 km	[2 markah]
(b)	316° / 317° / 318°  315° / 319°	[2 markah]  [1 markah]
(c)(i)	Bukit Pan Pari	[1 markah]
(c)(ii)	RG141889	[2 markah]
(d)	<b>Bukti yang menunjukkan sebahagian besar bentuk muka bumi dalam peta adalah bertanah pamah</b>  F1 Terdapat kawasan tanaman padi yang luas F2 Terdapat banyak jalan raya yang lurus F3 Terdapat simbol warna hijau F4 Kurang garisan kontur  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[4 markah]
(e)(i)	<b>Peringkat aliran Sg Tersusun</b>  Peringkat hilir	[1 markah]
(e)(ii)	<b>Bukti peringkat hilir</b>  F1 Tanah rendah F2 Terdapat likuan sungai F3 Terdapat tali air	[3 markah]

**CADANGAN JAWAPAN**  
**KEMAHIRAN GRAF SET 1**

2	(a)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 25%;">Jenis Produk</th><th style="width: 25%;">Jumlah Eksport (RM bilion)</th><th style="width: 15%;">%</th><th style="width: 35%;">Saiz Sudut (°)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Barangan elektrik dan elektronik</td><td>386</td><td>39</td><td>140</td></tr> <tr> <td>Hasil petroleum</td><td>62</td><td>6</td><td>22</td></tr> <tr> <td>Barangan kimia</td><td>51</td><td>5</td><td>18</td></tr> <tr> <td>Minyak sawit</td><td>46</td><td>5</td><td>18</td></tr> <tr> <td>Hasil getah</td><td>44</td><td>5</td><td>18</td></tr> <tr> <td>Lain-lain</td><td>392</td><td>40</td><td>144</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>981</td><td>100</td><td>360</td></tr> </tbody> </table>	Jenis Produk	Jumlah Eksport (RM bilion)	%	Saiz Sudut (°)	Barangan elektrik dan elektronik	386	39	140	Hasil petroleum	62	6	22	Barangan kimia	51	5	18	Minyak sawit	46	5	18	Hasil getah	44	5	18	Lain-lain	392	40	144	Jumlah	981	100	360	
Jenis Produk	Jumlah Eksport (RM bilion)	%	Saiz Sudut (°)																																
Barangan elektrik dan elektronik	386	39	140																																
Hasil petroleum	62	6	22																																
Barangan kimia	51	5	18																																
Minyak sawit	46	5	18																																
Hasil getah	44	5	18																																
Lain-lain	392	40	144																																
Jumlah	981	100	360																																
		<b>Carta pai</b>  Tajuk : 01m Jejari : 01m Petunjuk : 01m Sudut sektor : 06m Jumlah : 09m Maksima : 07m	[7 markah]																																
	(b)	<b>Tafsiran tentang jumlah eksport utama Malaysia pada tahun 2020.</b>  F1 Nilai maksimum + produk lain-lain H1 RM 392 billion F2 Nilai minimum + hasil getah H2 RM 44 billion F3 Beza produk lain-lain dengan produk hasil getah H3 RM 348 billion  <i>Pilih mana-mana 4</i>	[4 markah]																																
	(c)	<b>Sebab sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang penting di Malaysia.</b>  F1 Sumber pendapatan negara H1 Melalui eksport dan cukai  F2 Mewujudkan peluang pekerjaan H2 Mengurangkan kadar pengangguran  F4 Mewujudkan industri hilir / IKS H4 Industri berdasarkan getah dan kelapa sawit / minyak masak / tayar / sarung tangan / sabun  F5 Pembukaan kawasan baharu H5 Kawasan FELDA / FECRA / Kawasan Tanah Rancangan	[4 markah]																																

*Terima mana-mana jawapan yang munasabah*

**CADANGAN JAWAPAN**  
**KEMAHIRAN GRAF SET 2**

2	<p><b>(a)</b> <b>Graf Gabungan</b></p> <table border="0"> <tr> <td>Tajuk</td><td>:</td><td>1m</td></tr> <tr> <td>Skala</td><td>:</td><td>1m</td></tr> <tr> <td>Petunjuk</td><td>:</td><td>1m</td></tr> <tr> <td>Paksi X</td><td>:</td><td>1m</td></tr> <tr> <td>Paksi Y</td><td>:</td><td>1m</td></tr> <tr> <td>Plotan 1 x 6</td><td>:</td><td>12m</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>:</td><td>17m</td></tr> <tr> <td>Maksima</td><td>:</td><td>08m</td></tr> </table> <p><b>(b) Perubahan min suhu yang berlaku sepanjang bulan Januari - bulan Jun.</b></p> <p>F1 Suhu maksimum pada bulan Mac H1 27.9 °C</p> <p>F2 Suhu minimum pada bulan Januari H2 26.5 °C</p> <p>F3 Suhu bulan januari hingga Febuari meningkat H3 meningkat sebanyak 0.7 °C</p> <p>F4 Suhu bulan Febuari hingga Mac semakin meningkat H4 peningkatan sebanyak 0.7 °C</p> <p>F5 Suhu bulan Mac hingga April menurun H5 menurun sebanyak 0.2 °C</p> <p>F6 Suhu pada bulan April dan Mei statik/tidak berubah H6 27.7 °C</p> <p>F7 Suhu pada bulan Mei hingga Jun berlaku penurunan H7 penurunan sebanyak 0.2 °C</p> <p>F8 Julat suhu kecil H8 1.4 °C</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p> <p><b>(c) Mencadangkan langkah yang boleh di ambil bagi mengatasi masalah krisis bekalan air</b></p> <p>F1 menambah loji rawatan air F2 Kempen penggunaan air secara berhemah F3 Melaksanakan catuan air F5 Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan/ R&amp;D F6 Membaiki dan menukar paip bocor F7 Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar F8 Menambah empangan baru</p> <p style="text-align: right;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	Tajuk	:	1m	Skala	:	1m	Petunjuk	:	1m	Paksi X	:	1m	Paksi Y	:	1m	Plotan 1 x 6	:	12m	Jumlah	:	17m	Maksima	:	08m	<p>[8 markah]</p> <p>[3 markah]</p> <p>[4 markah]</p>
Tajuk	:	1m																								
Skala	:	1m																								
Petunjuk	:	1m																								
Paksi X	:	1m																								
Paksi Y	:	1m																								
Plotan 1 x 6	:	12m																								
Jumlah	:	17m																								
Maksima	:	08m																								

## CADANGAN JAWAPAN

### BAB 3 : FENOMENA CUACA DAN IKLIM

#### BAHAGIAN A: OBJEKTIF

NO	JAWAPAN
1	D
2	C
3	C
4	B
5	A
6	A
7	B
8	D
9	B
10	A
11	D
12	A
13	C
14	B
15	A

#### BAHAGIAN B: STRUKTUR

1(a)	<b>Julat suhu tahunan di lokasi tersebut.</b> (i) Shah Alam : F1 4°C (ii) Cameron Highland : F2 2°C	[1 markah] [1 markah]
(c)	<b>Perbezaan ciri-ciri suhu di dua lokasi tersebut.</b>  F1 Suhu di Shah Alam lebih tinggi berbanding suhu di Cameron Highlands. F2 Suhu maksimum di Shah Alam, 30°C F3 Suhu minimum di Shah Alam, 26°C F4 Suhu maksimum di Cameron Highlands, 21°C F5 Suhu maksimum di Cameron Highlands , 19°C  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[4 markah]
(d)	<b>Faktor yang menyebabkan suhu di Cameron Highland lebih rendah berbanding suhu di Shah Alam</b>  F1 Kawasan tanah tinggi H1 Keadaan suhu rendah  F2 Hujan kerap H2 Berlaku kadar wap air yang tinggi menyebabkan udara lembab  F3 Kawasan hutan masih banyak / banyak pokok	[4 markah]

	H3 Membekalkan oksigen untuk menyederhanakan suhu  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	
--	---	--

2(a)	<b>Fenomena cuaca dan iklim yang dialami oleh negeri-negeri pantai timur berdasarkan petikan akhbar tersebut.</b>  F1 Banjir	[1 markah]
2(b)	<b>Faktor negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia sering mengalami banjir pada setiap penghujung tahun.</b>  F1 Pengaruh angin monsun H2 Membawa hujan lebat / musim tengkujuh  F2 Kawasan yang menghadap hujan H2 Pergerakan angin dihalang oleh tanah tinggi  F3 Kawasan rendah H3 Delta Kelantan  F4 Hujan yang berterusan H5 Meningkatkan isipadu air dipermukaan bumi  F5 Kejadian air pasang H6 Air sungai tidak dapat mengalir kerana bertembung dengan air pasang surut air laut  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[3 markah]
2(c)	<b>Kesan fenomena ini kepada sosioekonomi penduduk.</b>  F1 Mengorbankan nyawa H1 Terperangkap / hanyut arus  F2 Memusnahkan hara benda H2 rumah / kereta  F3 Memusnahkan tanaman H3 padi / getah / kelapa sawit  F4 Penyakit bawaan air H4 Taun / cirit birit  F5 Menjejaskan aktiviti manusia H5 Aktiviti harian / aktiviti ekonomi  F6 Pencemaran sumber air H6 lumpur / sampah  F7 Kesesakan lalu lintas H7 tersekat dalam banjir	[4 markah]

	<p>F8 Kejadian hakisan tanah / tanah runtuh  H8 Tanah lembap</p> <p><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	
2(d)	<p><b>Cadangkan langkah persediaan yang boleh diambil bagi mengurangkan kesan fenomena ini</b></p> <p>F1 Mendalamkan dasar sungai  H1 Untuk menampung kuantiti air</p> <p>F2 Memperbaiki sistem saliran dan perparitan  H2 Aliran air lebih lancar</p> <p>F3 Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar  H3 Melalui media massa seperti kempen Cintai Sungai Kita</p> <p>F4 Pendidikan alam sekitar  H4 Kepada masyarakat dan institusi pendidikan / sekolah</p> <p>F5 Membina terowong SMART  H5 Untuk mengalirkan air dengan kuantiti yang banyak dan cepat ke kolam takungan air</p> <p>F6 Menguatkuasakan undang-undang berkaitan alam sekitar  H6 Mengenakan denda kepada pembalak haram melalui Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)</p> <p><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[2 markah]

**BAHAGIAN C: ESEI**

1(a)	<b>Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan jika suhu harian yang panas melampau di sesuatu kawasan memberi kesan kepada manusia dan alam sekitar</b>	[8 markah]
	<b>Respon yang Dihasratkan</b>	<b>Aras</b>
	Menghuraikan kesan kepada manusia dan alam sekitar dengan jelas, terperinci, mendalam dengan fakta, huraian dan contoh yang betul dan tepat	Aras 4 <b>(7 - 8)</b>
	Menghuraikan kesan kepada manusia dan alam sekitar dengan memberikan fakta, huraian dan contoh yang terhad.	Aras 3 <b>(5 - 6)</b>
	Menghuraikan kesan kepada manusia dan alam sekitar dengan memberikan fakta dan huraian tanpa contoh yang sesuai.	Aras 2 <b>(3 - 4)</b>
	Menyenaraikan fakta secara ringkas	Aras 1 <b>(1-2)</b>
	<p style="text-align: center;"><b>CADANGAN JAWAPAN</b></p> <p>F1 Tahap kesihatan merosot            H1 Peningkatakan pelbagai penyakit            C1 Kes demam / selsema / sakit kepala / strok haba / ruam kulit / sakit mata</p> <p>F2 Kegiatan harian terjejas            H2 berlaku krisis air            H3 untuk kegunaan domestik</p> <p>F3 Penggunaan sumber tenaga            H3 Peningkatan penggunaan elektrik            C3 Seperti kipas / penghawa dingin</p> <p>F4 Berlaku krisis air            H4 Pelbagai sektor ekonomi terganggu            C4 Petanian/ penternakan/ akuakultur</p> <p>F5 Mudah berlakunya kebakaran            H5 Akibat cuaca yang panas melampau            C5 Kebakaran hutan</p>	
(b)	F1 Pembebasan asap kilang / perindustrian H1 Gas karbon monoksida / nitrogen oksida / sulfur dioksida  F2 Pembakaran terbuka H2 Sampah / sisa pembinaan / sisa domestik  F3 Penebangan hutan / pembalakan H3 Gas karbon dioksida meningkat  F4 Kegiatan pertanian H4 Penggunaan racun serangga / baja kimia  F5 Pembebasan asap kenderaan H5 Gas karbon monoksida	[6 markah]

(c)	<p><b>Langkah-langkah untuk menyederhanakan suhu di 1 (b)</b></p> <p>F1 Menghijaukan kawasan dengan menanam pokok  F2 Meningkatkan penggunaan pengangkutan awam /kongsi kereta  F3 Penggunaan petrol tanpa plumbum  F4 Penggunaan penapis asap kenderaan kenderaan / kilang  F5 Penggunaan suhu pepejal menggunakan incinerator  F6 penghutanan semula  F7 Badan air / kolam / tasik  F8 Menggunakan kenderaan elektrik / hybrid  F9 Amalan kitar semula</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[6 markah]
-----	--	------------

2(a)	<p><b>Keadaan cuaca semasa berlakunya fenomena dalam Foto 3</b></p> <p>F1 Cuaca yang kering berpanjangan  F2 Suhu yang tinggi  F3 Sedikit hujan/ tiada hujan langsung  F4 Kelembapan udara tinggi / kadar sejatan tinggi</p>	[4 markah]
(b)	<p><b>Kesan fenomena tersebut tersebut terhadap ekonomi negara</b></p> <p>F1 Kerosakan tanaman makanan utama  H2 Padi / sayur-sayuran mengalami krisis bekalan makanan</p> <p>F2 Harga yang tinggi  H2 Bekalan makanan sukar diperolehi</p> <p>F3 Mudah berlaku kebakaran  H3 Kebakaran hutan kos yang tinggi ditanggung kerajaan untuk memadam api</p> <p>F4 Mejejaskan pendapatan petani  H4 Hasil tanaman musnah</p> <p>F5 Menjejaskan pelbagai kegiatan ekonomi  H5 Sumber pendapatan negara merosot</p> <p>F6 Berlaku krisis air  H6 Pelbagai sektor ekonomi terganggu</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[4 markah]
(c)	<p><b>Langkah-langkah persediaan yang boleh dilakukan untuk mengurangkan masalah akibat fenomena cuaca tersebut</b></p>	[8 markah]
	<b>Respon yang Dihasratkan</b>	<b>Aras</b>
	Menghuraikan langkah-langkah dengan jelas, terperinci, mendalam. dengan fakta, huraian dan contoh yang betul dan tepat	Aras 4 (7 - 8)

	Menghuraikan langkah-langkah dengan memberikan fakta, huraian dan contoh yang terhad.	Aras 3 <b>(5 - 6)</b>
	Menghuraikan langkah-langkah dengan memberikan fakta dan huraian tanpa contoh yang sesuai.	Aras 2 <b>(3 - 4)</b>
	Menyenaraikan fakta secara ringkas	Aras 1 <b>(1-2)</b>
	Tidak menjawab soalan/respon tidak menepati kehendak soalan.	<b>0</b>
<b>CADANGAN JAWAPAN</b>		
<p>F1 Catuan air (bekalan air berjadual)  H1 Jabatan Bekalan Air (JBA) mengambil langkah mencatu bekalan air  C1 Dikawasan perindustrian /perumahan</p> <p>F2 Air bawah tanah  H2 Meneroka air bawah tanah  C2 telaga tiub</p> <p>F3 Pemberian awan  H3 Pihak kerajaan / agensi terlibat  C3 hasilkan hujan tiruan</p> <p>F4 Kempen  H4 Orang ramai digalakkan menggunakan sumber air dengan lebih berhemat  C4 Kempen Penjimatan Air</p> <p>F5 Bekalan air oleh JBA  H5 Persediaan awal  C5 Menghantar bekalan kekawasan yang terputus bekalan</p> <p>F6 Pemantauan cuaca  H6 Jabatan Meteorologi Malaysia membuat pemantau awal  C6 Mengeluarkan amaran awal</p>		
(d)	<b>Persediaan yang dihadapi di negara India ketika menghadapi musim kemarau</b>	[4 markah]
<p>F1 Membawa masuk air menggunakan kereta api dan lori tangki  F2 Sistem pengumpulan air hujan  F3 Pembangunan jaringan paip bawah tanah  F4 Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber empangan/kawasan tadahan/ system kumbahan  F5 Melakukan penjimatan air  F6 Meneroka sumber air alternatif seperti telaga tiub dan air bawah</p>		

## CADANGAN JAWAPAN

### BAB 4: CUACA DAN IKLIM SERTA PENGARUHNYA

#### BAHAGIAN A: OBJEKTIF

NO	JAWAPAN
1	B
2	C
3	C
4	A
5	C
6	D
7	B
8	C
9	D
10	D
11	A
12	C
13	B
14	C
15	C

#### BAHAGIAN B: STRUKTUR

1(a)	Hujan Asid	[1 markah]
(b)	<b>Faktor yang menyebabkan fenomena hujan asid berlaku.</b>  F 1 Asap dari Kenderaan bermotor F2 Asap kilang/ industri F3 loji peleburan logam F4 Pelepasan gas-gas rumah hijau/ sulfur dioksida,/karbon dioksida / nitrogen oksida ke udara. F5 Penggunaan bahan api fosil/ arang batu/ petroleum , untuk janakuasa tenaga elektrik F6 Penggunaan baja kimia F7 Asap dari pembakaran terbuka/ pembakaran hutan  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[2 markah]
(c)	<b>Kesan fenomena hujan asid.</b>  F1 Struktur bangunan/ kenderaan berdasarkan besi akan berkarat F2 Cat bangunan/ tanda jalan akan luntur F3 Aktiviti pertanian terjejas/ tanah jadi berasid F4 Penyakit kulit F5 Gangguan pernafasan F6 Penyakit mata F7 Pencamaran air  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[3 markah]

(d)	<p><b>Langkah untuk mengurangkan kesan fenomena hujan asid.</b></p> <p>F1 Menggunakan petrol tanpa plumbum  F2 Menggunakan penapis untuk kenderaan/ kilang  F3 Kitar semula/ amalan 5R/ Amalan 3R  F4 Penguatkuasaan undang-undang/ Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974/ Akta Perhutanan Negara/ Peratusan Kualiti Alam Sekeliling 1979  F5 Kempen kesedaran alam sekitar  F6 Pendidikan alam sekitar/ subjek geografi  F6 Penggunaan Teknologi hijau/ mesra alam/ penggunaan sumber tenaga boleh baharu/ penggunaan jentera biodiesel</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[4 markah]
-----	--	------------

2(a)	<p><b>Fenomena cuaca.</b></p> <p>F1 Jerebu</p>	[1 markah]
(b)	<p><b>Keadaan persekitaran.</b></p> <p>F1 Debu dan asap zarah berkumpul di udara yang kering  F2 Jarak penglihatan terhad  F3 Kualiti udara tidak sihat  F4 IPU melebihi 100  F5 Suasana kelam/gelap  F6 Udara kering</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[3 markah]
(c)	<p><b>Punca jerebu</b></p> <p>F1 Pembakaran terbuka/ Pembakaran Kawasan pertanian  F2 Asap kilang keluarkan zarah asap, habuk terpeluwap  F3 Pembakaran bahan api fosil oleh kilang/ kenderaan  F4 Tidak menggunakan penapis asap untuk kilang/ kenderaan  F5 Pembangunan tanah/ pembinaan bangunan  F6 Ketinggian bangunan/ halangan bangunan untuk laluan angin</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[3 markah]
(d)	<p><b>Kesan kejadian jerebu terhadap manusia dan alam sekitar</b></p> <p>F1 tumbuhan terencat tumbesaran kerana kekurangan cahaya matahari/ Proses fotosintesis terganggu  F2 Sungai dan tasik menjadi berasid  F3 Menganggu ekosistem  F4 Ganggu pernafasan hidupan/burung  F6 Aktiviti harian terganggu  F7 Penyakit  F8 Kemalangan jalan raya</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[3 markah]

(e)	<p><b>Langkah menangani fenomena jerebu.</b></p> <p>F1 Pemberian awan F2 Hentikan pembakaran terbuka F3 Guna petrol tanpa plumbum F4 Guna pengangkutan awam F5 Pasang penapis asap F6 Guna NGV/hibrid</p> <p><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[3 markah]
-----	---	------------

**BAHAGIAN C: ESEI**

1(a)	P- Iklim Tundra/ Artik Q- Iklim Panas Sederhana Kebetuan Steppe R- Iklim Panas Sederhana Kelautan Pantai Barat Mediterranean/ Mediterranean S- Iklim Gurun Panas	[4 markah]
(b)	<b>Ciri-ciri iklim zon Iklim Sejuk Sederhana.</b>  F1 Hujan tahunan antara 500mm – 1000mm F2 Hujan turun sepanjang tahun F3 Salji turun pada musim sejuk F4 Min suhu tahunan antara 9°C-17°C F5 Julat suhu tahunan 20°C-30°C F6 Sederhana panas pada musim panas 12°C-23°C F7 Sangat sejuk pada musim sejuk di Kawasan pendalaman -28°C F8 Angin Monsun Barat Laut bertiup dari barat- musim sejuk kering F9 Angin Baratan bertiup sepanjang tahun di Pantai Barat Eropah- bawa hujan lebat  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[4 markah]
(c)	<b>Pengaruh cuaca dan iklim yang mempengaruhi kegiatan di atas di kawasan Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat.</b>  F1 Penternak bertindak memindah ternakan H1 Pada musim panas/ kemarau mengeringkan rumput di kawasan tanah pamah/ Sebaliknya pada musim sejuk tanah tinggi diliputi salji/ biri-biri/ kambing/ lembu di kawasan padang ternak pergunungan.  F2 Pertanian campur H2 Pertanian dan penternakan dijalankan dalam Kawasan yang sama/ Gandum/ barli/ ubi kentang/ bit gula/ lembu/ biri-biri  F3 Pertanian bergilir H3 Pertanian dipengaruhi musim / menggunakan kaedah penggiliran tanaman / untuk mengekalkan kesuburan tanah/ gandum/ barli/ ubi kentang/ bit gula  F4 Permintaan bahan mentah H4 Permintaan mengikut musim/ Keperluan makanan asasi/ bulu biri-biri- baju sejuk/ gandum-buat roti  <i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>	[4 markah]
(d)	<b>Kawasan Iklim Khatulistiwa</b>  F1 Panas sepanjang tahun H1 Purata suhu 27°C / sekata sepanjang tahun/ C1 Aktiviti sukan dan rekreasi/  F2 Pemandangan pinggit laut tropika/ tepi laut H2 Kawasan pantai/ pulau/ air terjun/ dasar laut C2 Pulau Tioman/ Pulau Sempadan/ Port Dickson	[8 markah]

	<p>F3 Alam semula jadi  H3 Hutan hujan tropika/ paya bakau/ tumbuh-tumbuhan/ haiwan liar  C3 Taman Negara/ Hutan Belum/ orang utan/ harimau</p> <p><b>Kawasan Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat</b></p> <p>F1 Kejadian empat musim  H1 Musim panas sederhana panas 17°C/ musim sejuk sederhana sejuk 4°C/ musim luruh/ musim bunga  C1 Pelbagai bunga semasa musim bunga/ salji/ daun luruh</p> <p>F2 Iklim sejuk  H2 Salji/ gunung ais/ pemandagam salji/ aktiviti musim sejuk  C2 Banjaran Alps/ luncur salji/ ski</p> <p>F3 Aktiviti pertanian  H3 Pertanian hawa sederhana/ tumbuhan musim sejuk  C3 Apple/ strawberry/ gandum/ ubi kentang</p>	
--	--	--

2(a)	<p><b>Pulau haba bandar</b></p> <p>F1 Kawasan bandar yang ketara lebih panas daripada kawasan luar bandar/pinggir bandar  F2 Perbezaan suhu biasanya lebih besar pada waktu malam berbanding siang hari</p>	[2 markah]
(b)	<p><b>Faktor yang menyebabkan fenomena pulau haba berlaku.</b></p> <p>F1 Pembebasan asap kilang/ industri  H1 Penggunaan bahan api forsil sebagai bahan bakar/ tidak menggunakan penapis asap  F2 Pembakaran terbuka  H2 Pembakaran sampah secara terbuka di Kawasan perumahan  F3 Kekurangan tumbuhan  H3 Litupan tumbuhan dapat digunakan untuk menyerap haba/ respirasi  F4 Dinding bangunan daripada konkrit/ kaca  H4 Menyebabkan penyerapan haba / pemantulan haba  F5 Kedudukan bangunan  H5 bangunan yang rapat/ halang laluan angin</p> <p><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[4markah]
(c)	<p><b>Kesan fenomena pulau haba.</b></p> <p>F1 Suhu bandar meningkat  H1 Aktiviti manusia terganggu/ gangguan ekosistem di bandar  C1 manusia duduk di dalam bangunan/ tumbuhan layu/ mati</p> <p>F2 Peningkatan kos hidup  H2 Pembelian barang elektrik bagi menyejukkan suhu/ kos utiliti bertambah</p>	[6 markah]

	<p>C2 Kipas/ penyaman udara/ bil elektrik</p> <p>F3 Menjejaskan keselesaan hidup H4 Suhu panas menyebabkan tidak selesa duduk dalam bangunan/ menganggu kualiti hidup C3 Cepat marah/ sukar tidur/ sukar berehat</p> <p>F4 Kawasan bandar berjerebu H4 Berlaku kerana asap dan habuk dari kilang/kenderaan bermotor dan pembakaran terbuka C4 Pembakaran sambah secara terbuka/ gas-gas rumah hijau</p> <p><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>													
(d)	<p><b>Langkah mengurangkan kesan pulau haba</b></p> <p><b>Respon yang dihasratkan</b></p> <table> <tr> <td>Aras 4</td><td>Menghurai langkah mengurangkan kesan pulau haba dengan memberi fakta, huraihan dan contoh adalah betul, tepat, terperinci, relevan dan kreatif. Huraian sangat mendalam.</td><td>7-8</td></tr> <tr> <td>Aras 3</td><td>Menghurai langkah mengurangkan kesan pulau haba dengan memberi fakta, huraihan dan contoh dengan betul dan tepat.</td><td>5-6</td></tr> <tr> <td>Aras 2</td><td>Mengemukakan langkah untuk mengurangkan kesan pulau haba memberi fakta, huraihan dan contoh dengan betul.</td><td>3-4</td></tr> <tr> <td>Aras 1</td><td>Menyenaraikan sahaja langkah untuk mengurangkan kesan pulau haba</td><td>1-2</td></tr> </table>	Aras 4	Menghurai langkah mengurangkan kesan pulau haba dengan memberi fakta, huraihan dan contoh adalah betul, tepat, terperinci, relevan dan kreatif. Huraian sangat mendalam.	7-8	Aras 3	Menghurai langkah mengurangkan kesan pulau haba dengan memberi fakta, huraihan dan contoh dengan betul dan tepat.	5-6	Aras 2	Mengemukakan langkah untuk mengurangkan kesan pulau haba memberi fakta, huraihan dan contoh dengan betul.	3-4	Aras 1	Menyenaraikan sahaja langkah untuk mengurangkan kesan pulau haba	1-2	[8 markah]
Aras 4	Menghurai langkah mengurangkan kesan pulau haba dengan memberi fakta, huraihan dan contoh adalah betul, tepat, terperinci, relevan dan kreatif. Huraian sangat mendalam.	7-8												
Aras 3	Menghurai langkah mengurangkan kesan pulau haba dengan memberi fakta, huraihan dan contoh dengan betul dan tepat.	5-6												
Aras 2	Mengemukakan langkah untuk mengurangkan kesan pulau haba memberi fakta, huraihan dan contoh dengan betul.	3-4												
Aras 1	Menyenaraikan sahaja langkah untuk mengurangkan kesan pulau haba	1-2												
	<p><b>CADANGAN JAWAPAN</b></p> <p>F1 Gunakan kenderaan mesra alam H1 Petrol tanpa plumbum/ tenaga solar C1 Kereta solar/ kereta</p> <p>F2 Tanam lebih banyak pokok H2 Mengujudkan Kawasan hijau / zon penampang di bandar C2 taman bunga/ taman botani</p> <p>F3 Kitar semula H3 Program 5R/ 3R C3 Kitar semula plastic/ tin minuman/ botol</p> <p>F4 Penggunaan bahan binaan yang mesra alam H4 Mengurangkan bahan binaan daripada cermin/ yang memantul haba C4 Kayu</p> <p>F5 Kuatkuasa undang-undang H5 Mengenakan denda berat kepada kilang/ individu mencemar udara C5 Akta Kualiti Alam sekeliling 1974/ Akta Pengangkutan Jalan (pindaan) 2012/ Akta Kerajaan Tempatan 1976</p>													

## CADANGAN JAWAPAN

### BAB 5 : TUMBUH-TUMBUHAN SEMULAJADI DAN HIDUPAN LIAR

#### BAHAGIAN A: OBJEKTIF

NO	JAWAPAN
1	B
2	C
3	A
4	B
5	D
6	B
7	C
8	D
9	A
10	D
11	B
12	A
13	B
14	C
15	D

#### BAHAGIAN B: STRUKTUR

1(a)	<b>Jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi.</b>  F1 Hutan Hujan Tropika/ Hutan Tropika Lembap	[1 markah]
(b)	<b>Ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi.</b>  F1 Berakar banir H1 Menahan pokok dari tumbang  F2 Malar Hijau H2 Tidak menggugurkan daun pada masa yang sama  F3 Mempunyai empat lapisan H3 Lapisan renjong, kanopi, tengah dan lantai hutan  F4 Berkayu keras H4 Bermutu tinggi seperti Cengal, Meranti dan Merbau  F5 Terdapat pelbagai jenis hidupan liar H5 Seladang/tapir/ harimau bintang dan pelbagai spesis burung  F6 Terdapat pokok menumpang/ epifit H6 Paku langsuyar/ tanduk rusa	[3 markah]

*Terima mana-mana jawapan yang munasabah*

(c)	<p><b>Kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi terhadap ekosistem kawasan tersebut.</b></p> <p>F1 Kawasan tadahan hujan  H1 Bertindak seperti span menyerap air/ memperlahangkan aliran air di permukaan bumi</p> <p>F2 Habitat Flora  H2 Pokok Liana/ Paku Langsuyar/ Cengal/ Meranti</p> <p>F3 Habitat fauna  H3 Harimau/tapir/ monyet</p> <p>F4 Keseimbangan ekosistem  H4 Rantaian makanan</p> <p>F5 Mengelakkan hakisan tanah/ tanah runtuh  H5 Akar pokok mencengkam tanah</p> <p>F6 Sumber nutrien  H6 Proses pereputan organisma mati menghasilkan baja nitrat</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[3 markah]
(d)	<p><b>Kepentingan hidupan liar dalam mengawal dan mengimbangi ekosistem semula jadi di kawasan hutan</b></p> <p>F1 Keseimbangan ekosistem  H1 Sebagai pengguna/ siratan makanan</p> <p>F2 membekalkan nutrien  H2 menyuburkan tanah</p> <p>F3 menyebarkan bijih benih  H3 menggalakkan bijih benih tersebar di kawasan luas</p> <p>F4 menggemburkan tanah  H4 membekalkan oksigen/ pengudaraan kepada tanah</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[3 markah]
2(a).i.	<p><b>Tumbuh-tumbuhan Foto 2</b></p> <p>F1 <u>Tumbuh-tumbuhan Gurun Panas</u></p> <p>ii. <b>Tumbuh-tumbuhan Foto 3</b></p> <p>F1 <u>Hutan Konifer/pokok tirus/Taiga/Siberia</u></p>	[1 markah]  [1 markah]

2(b)	<p><b>Ciri tumbuh tumbuhan Foto A</b></p> <p>F1 Tumbuhan jenis xerofit H1 Tahan cuaca panas</p> <p>F2 Mempunyai akar panjang H2 Menyerap air bawah tanah F3 Mempunyai batang berongga/berlendir H3 menyimpan air untuk jangka masa panjang</p> <p>F4 Daun berkilat/ keras/kecil/berbentuk jarum/berduri H4 mengurangkan kadar kehilangan air</p> <p>F5 Biji benih berkulit tebal/ keras H5 Tahan kemarau</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p> <p><b>Ciri tumbuh-tumbuhan Foto B</b></p> <p>F1 Dirian tulen H1 Terdapat satu atau dua jenis pokok di sesuatu kawasan</p> <p>F2 Kanopi pokok berbentuk kon H2 Mengelakan salji berkumpul diatasnya</p> <p>F3 Malar hijau H3 Sentiasa berdaun sepanjang tahun</p> <p>F4 Daun berbentuk jarum/ bersalut lilin H4 Tahan cuaca sejuk melanpau</p> <p>F5 Biji benih berkulit keras H5 Tahan cuaca sejuk</p> <p>F6 Berkayu lembut/ kulit tebal H6 Pokok pine/fir/cedar/ sprus</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[4 markah]
2(c)	<p><b>Kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut kepada manusia dan alam sekitar.</b></p> <p>F1 Habitat flora/ fauna H1 contoh haiwan/ tumbuhan</p> <p>F2 Menyederhanakan suhu H2 hasilkan oksigen/ serap karbon dioksida</p> <p>F3 Bahan mentah industri H3 pembuatan perabot/ kertas</p> <p>F4 Sumber perubatan H4 pokok oak/ ubat cirit birit</p> <p>F5 Habitat flora dan fauna</p>	[5 markah]

	<p>H5 mengekalkan pelbagai jenis flora dan fauna</p> <p>F6 Keseimbangan ekosistem</p> <p>H6 Rantaian makanan</p> <p>F7 Mengelakan hakisan tanah/ tanah runtuh</p> <p>H7 akar pokok mencengkam tanah</p> <p>F8 Kawasan ekopelancongan</p> <p>H8 melihat pelbagai jenis flora dan fauna kawasan gurun/ hutan konifer</p> <p><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	
--	--	--

**BAHAGIAN C: ESEI**

1(a)	<b>P</b>	Hutan Konifer		<b>R</b>	Hutan Monsun Tropika	<b>[4 markah]</b>	
	<b>Q</b>	Padang Rumbut Hawa Sederhana Steppe		<b>S</b>	Hutan Hujan Tropika/ Hutan Tropika Lembap		
(b)	<b>Ciri-ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di atas peta yang bertanda P.</b>					<b>[4 markah]</b>	
	F1 Dirian tulen F2 Berbentuk kon F3 Malar hijau F4 Berbentuk jarum F5 Kebanyakan pokok berakan pendek F6 Berkayu Lembut F7 Ketinggian boleh mencecah 40 meter						
	<i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i>						
(c)	<b>Ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam Foto 1 dapat menggalakkan kegiatan ekonomi dalam Foto 2.</b>					<b>[8 markah]</b>	
	<b>Respon Yang Dihasratkan</b>					<b>Aras</b>	
	Menghuraikan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi yang dapat menggalakkan kegiatan ekonomi dengan jelas, terperinci, mendalam. (Pelajar memberikan fakta, huraian dan contoh yang betul dan tepat)					Aras 4 <b>(7 - 8)</b>	
	Menghuraikan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi yang dapat menggalakkan kegiatan ekonomi (Pelajar memberikan fakta, huraian dan contoh yang terhad)					Aras 3 <b>(5 - 6)</b>	
	Menghuraikan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi yang dapat menggalakkan kegiatan ekonomi. (Pelajar memberikan fakta dan huraian tanpa contoh yang sesuai)					Aras 2 <b>(3 - 4)</b>	
	Menyenaraikan fakta secara ringkas					Aras 1 <b>(1-2)</b>	
	<b>CADANGAN JAWAPAN</b> F1 Bekayu keras H1 mempunyai kualiti tinggi- bahan mentah dalam industri berasakan kayu C1 Pembuatan perabot.  F2 Tumbuh-tumbuhan yang rapat dan tebal H1 Mempunyai pelbagai spesis tumbuhan-boleh dijadikan ubatan tradisional C1 Tongkat Ali/ Kacip Fatimah/ Senduduk  F3 Kepelbagai tumbuh-tumbuhan/ malar hijau H3 Menggalakkan aktiviti ekopelancongan-melawat hutan hujan tropika C3 Taman Negara Endau Rompin/ Hutan Lipur Gunung Ledang dll  F4 Kawasan hutan yang luas H4 membekal sumber kayu berterusan- untuk di eksport ke luar negara C4 Pokok Cengal/ Keruing/ Merbau dll						

	<p>F5 Pokok berlapis-lapis dan malar hijau  H5 mewujudkan kepelbagaiannya biologi- boleh dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran  C5 Bidang berkaitan perhutanan/ sivilkultur/ bioteknologi hutan dll</p> <p>F6 Batang lurus  H6 sesuai untuk bahan mentah sektor binaan  C6 pembuatan papan lapis</p>	
(d)	<p><b>Penyesuaian hidupan liar dengan keadaan persekitarannya.</b></p> <p>F1 Berbulu tebal  H1 dapat menahan cuaca sejuk</p> <p>F2 Mempunyai warna bulu yang sesuai dengan persekitaran  H2 berwarna putih cerah memudahkan menerima pancaran matahari melalui rongga badan</p> <p>F3 Berhibernasi  H3 tidak aktif dengan cara memanaskan badan</p> <p>F4 Berdarah panas/mamalia  H4 dapat menyesuaikan diri dalam keadaan sejuk</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[4 markah]

2(a)	<b>Faktor yang mempengaruhi perubahan keluasan hutan di Negeri Perak dan Negeri Kelantan pada tahun 2013 hingga 2015.</b>	[8 markah]
	<b>Respon Yang Dihasratkan</b>	<b>Aras</b>
	Menerangkan tentang faktor yang mempengaruhi perubahan keluasan hutan dengan jelas, terperinci, mendalam. (Pelajar memberikan fakta, huraihan dan contoh yang betul dan tepat)	Aras 4 <b>(7 - 8)</b>
	Menerangkan tentang faktor yang mempengaruhi perubahan keluasan hutan (Pelajar memberikan fakta, huraihan dan contoh yang terhad)	Aras 3 <b>(5 - 6)</b>
	Menerangkan tentang faktor yang mempengaruhi perubahan keluasan hutan. (Pelajar memberikan fakta dan huraihan tanpa contoh yang sesuai)	Aras 2 <b>(3 - 4)</b>
	Menyenaraikan fakta secara ringkas	Aras 1 <b>(1-2)</b>
	<b>Cadangan jawapan</b>	
	F1 Pembalakan haram	

	<p>H1 menyebabkan banyak spesis tumbuh-tumbuhan musnah/tidak ditanam semula</p> <p>C1 Hutan Simpan di Gua Musang Kelantan/ Hutan Simpan Bukit Tapah Perak dll</p> <p>F2 Pembinaan jalan raya</p> <p>H2 kawasan hutan yang melalui kawasan pembinaan perlu di tebang</p> <p>C2 Pembinaan Lebuh Raya Utara selatan memusnahkan banyak kawasan hutan di Negeri Perak</p> <p>F3 Aktiviti pertanian berskala besar</p> <p>H3 pembukaan kawasan ladang bagi meraih keuntungan besar</p> <p>C3 contoh pembukaan kawasan ladang kelapa sawit di kawasan hutan Pondok Tanjung di Perak</p> <p>F4 Pembinaan petempatan</p> <p>H4 proses urbanisasi menyebabkan hutan terpaksa di tebang</p> <p>C4 Perebakkan kawasan bandar Ipoh menyebabkan kawsan hutan disekitarnya diteroka.</p> <p>F5 Penguatkuasaan undang-undang yang lemah</p> <p>H5 hukuman yang ringan/ tidak berat- menyebabkan pesalah tidak takut</p> <p>C5 Kesalah meneroka hutan boleh dikenakan denda tidak melebihi 10 ribu ringgit dan pejara tidak melebihi 3 tahun.</p> <p>F6 Aktiviti industri</p> <p>H6 Pemintaan terhadap produk kayu meningkat</p> <p>C6 pembuatan papan lapis/ perabot</p>	
(b)	<p><b>Perbandingan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi.</b></p> <p><b>Persamaan</b> Terletak di zon panas.</p> <p><b>Perbezaan:</b> <b>Foto 4 (Hutan Khatulistiwa/ Hutan Hujan Tropika)</b></p> <p>F1 Berakar banir H1 Menahan pokok dari tumbang</p> <p>F2 Malar Hijau H2 Tidak menggugurkan daun pada masa yang sama</p> <p>F3 Mempunyai empat lapisan H3 Lapisan renjong, kanopi, tengah dan lantai hutan</p> <p>F4 Berkayu keras H4 Bermutu tinggi seperti Cengal, Meranti dan Merbau</p> <p>F5 Terdapat pelbagai jenis hidupan liar H5 Seladang/tapir/ harimau bintang dan pelbagai spesis burung</p> <p><b>Foto 5 (Hutan Monsun Tropika)</b></p> <p>F1 Hutan yang jarang H1 Berlapis-lapis tetapi tidak nyata</p>	[6 markah]

	<p>F2 Gugurkan daun pada musim kering  H2 Bagi mengelakkan kehilangan air yang banyak</p> <p>F3 Terdapat pokok renek  H3 pokok palma</p> <p>F4 Lantai hutan padat tumbuhan  H4 pokok buluh/ paku pakis/ rotan</p> <p style="text-align: right;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	
	<p><b>Tumbuh-tumbuhan semula yang terdapat di dalam Foto 4 memberi manfaat kepada negara dan alam sekitar.</b></p> <p>F1 Membuka peluang pekerjaan  H1 Pemandu pelancong/ranger hutan</p> <p>F2 Menggalakkan aktiviti ekopelancongan  H2 Pelancong gemar melihat keindahan flora dan fauna</p> <p>F3 Sumber pendapatan negara  H3 Eksport kayu balak ke luar negara-seperi jepun</p> <p>F4 Bahan mentah industri  H4 Industri berdasarkan kayu- perabot/kertas</p> <p>F5 Bahan ubat-ubatan tradisional  H5 merawat sakit seperti darah tinggi dan diabetes</p> <p>F6 Menyederhanakan suhu setempat  H6 Tumbuhan menyerap karbon dioksida, lalu menyebakan suhu persekitaran menurun.</p> <p>F7 Membekalkan oksigen  H7 tumbuhan mengeluarkan oksigen dan menyerap karbon dioksida</p> <p>F8 Mengelakan hakisan tanah/ tanah runtuh  H8 Akar pokok membantu mencengkam tanah</p> <p>F9 Habitat flora/ fauna  H9 Kawasan hutan merupakan kawasan tempat tinggal bagi pelbagai spesis flora dan fauna</p> <p>F10 Keseimbangan ekosistem  H10 Membantu memastikan rantaian dan siratan makanan berjalan dengan baik.</p> <p>F11 Kawasan tadahan air  H11 hujan yang turun akan melalui daun- daun pokok dan mengalir melalui batang dan diserap ke dalam tanah melalui akarnya.</p> <p style="text-align: right;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[6 markah]

## CADANGAN JAWAPAN

### BAB 6: PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DAN HIDUPAN LIAR

#### BAHAGIAN A: OBJEKTIF

NO	JAWAPAN
1	C
2	A
3	C
4	D
5	A
6	D
7	A
8	D
9	B
10	B
11	D
12	D
13	C
14	D
15	A

#### BAHAGIAN B: STRUKTUR

1(a)	<b>Kegiatan ekonomi yang ditunjukkan dalam Foto 1</b>  F1 Pembalakan	[1 markah]
(b)	<b>Sebab ktiviti ekonomi dalam foto 1 kian berleluasa.</b>  F1 Sumber bahan mentah industri F2 Membekal sumber bahan kayu keras berkualiti F3 Permintaan kayu tinggi F2 Bekalan buruh ramai  <i>Pilih mana-mana 2</i>	[2 markah]
(c)	<b>Wajarkah aktiviti tersebut dikawal? Berikan alasan anda.</b>  <b>Wajar.</b> F1 Mengelakkan kepupusan flora dan fauna F2 Mengelakkan keseimbangan ekosistem F3 Menjamin bekalan sumber kayu berterusan F4 Menjamin kelangsungan sumber air bersih F5 Menyerdehanakan suhu setempat F6 Membekalkan oksigen/ menyerap karbon dioksida F7 Mencegah hakisan F8 Mengurangkan pencemaran air	[3 markah]

	<p><b>Tidak Wajar</b></p> <p>F1 Memberikan peluang pekerjaan  F2 Sumber pendapatan negara/ eksport  F3 Menyediakan bahan mentah untuk industri  F4 Meningkatkan taraf hidup</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	
(d)	<p><b>Mencadangkan langkah-langkah pengurusan hutan secara lestari yang dapat dibangunkan di Malaysia.</b></p> <p>F1 Hadkan lesen pembalakan  F2 Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar/Akta Perhutanan Negara 1984  F3 Mewartakan taman negara/ Hutan simpan  F4 Kempen Kesedaran alam sekitar  F5 Pendidikan alam sekitar  F6 Penebangan terpilih  F7 Penghutanan semula  F8 Mewujudkan ladang hutan  F9 Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D)  F10 Rawatan silvikultur  F11 Kitar semula kertas  F12 Renjer hutan</p> <p style="text-align: center;"><i>Terima mana-mana jawapan yang munasabah</i></p>	[4 markah]

